

Tatakelakuan Kita



Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif kita

Di AkzoNobel, kita amat bersungguh-sungguh dalam menghasilkan dan menjual cat, dan kita mahu menjadi yang terbaik. Cita-cita kita adalah untuk menjadi rujukan dalam industri.

Menjadi peneraju bukan hanya sekadar menghasilkan produk terbaik dan berprestasi cemerlang dari segi kewangan, tetapi juga menjadi rakan perniagaan yang boleh dipercayai. Kita mahu pelanggan dan rakan niaga kita mengetahui apa yang boleh mereka harapkan daripada kita. Itulah sebabnya kita menjalankan perniagaan kita berdasarkan prinsip-prinsip utama kita iaitu Keselamatan, Integriti dan Kelestarian. Prinsip-prinsip ini adalah yang paling utama dalam segala yang kita lakukan.

Tatakelakuan mencerminkan prinsip-prinsip teras kita dan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mempraktikkannya. Ia meletakkan harapan dan tanggungjawab dalam syarikat, yang turut meliputi pihak-pihak yang menjalankan perniagaan dengan kita.

Kita menghadapi dilema dan membuat pilihan setiap hari. Tatakelakuan kita memberikan kita keyakinan untuk membuat keputusan yang tepat. Kadang-kadang ini bermakna melepaskan peluang perniagaan apabila ia tidak memenuhi standard kita yang tinggi. Di AkzoNobel, kita tidak mengambil jalan singkat - kita menjalankan perniagaan dengan cara yang selamat, jujur dan lestari. Ini adalah siapa kita, dan apa yang kita perjuangkan.

Ia memerlukan keberanian dan keazaman yang tinggi untuk melakukan apa yang betul, dan Tatakelakuan kita diwujudkan untuk membantu kita membuat pilihan yang betul. Kita semua hendaklah mematuhi kerana ia adalah syarat untuk bekerja untuk dan dengan AkzoNobel, tetapi juga kerana ia memberikan kita kebanggaan dalam apa yang kita lakukan.

Thierry

Thierry Vanlancker
CEO

Ini adalah Tatakelakuan kita

Tatakelakuan mencerminkan pendirian kita.

Ia menerangkan prinsip teras kita dan maksudnya dalam amalan.

Ia menentukan perkara yang kita akan lakukan dan tidak akan lakukan.

Berikut adalah prinsip teras kita

Keselamatan Integriti Kemampanan



Sebab Tatakelakuan kita **adalah penting**

Satu standard

Ia membantu kita membuat keputusan yang tepat dan menunjukkan pendirian kita

Rakan kongsi yang boleh dipercayai

Menunjukkan kepada pelanggan, rakan kongsi perniagaan dan pihak berkuasa bahawa mereka boleh bergantung kepada kita untuk melakukan perkara yang betul

Reputasi dalam pasaran kita

Ia meningkatkan reputasi kita dalam pasaran dan masyarakat di tempat kita beroperasi, sebagai sebuah perniagaan dan majikan

Apakah Tatakelakuan ini?

Tatakelakuan ini menentukan bagaimana kita mengamalkan prinsip teras kita setiap hari. Sama ada anda bekerja untuk AkzoNobel atau bekerja dengan AkzoNobel, ini adalah tanggungjawab dan tingkah laku yang kita harapkan daripada anda. Ia merupakan standard bersama yang kita semua boleh banggakan dan merupakan suatu perkara yang perlu dalam peraturan dan prosedur (Rangka Kerja Arahan) kita. Anda perlu menggunakananya untuk mengetahui lebih lanjut mengenai cara Tatakelakuan ini terpakai kepada anda.

Untuk siapakah Tatakelakuan ini?

Setiap orang yang bekerja untuk AkzoNobel mesti mematuhi Tatakelakuan ini, sama ada mereka merupakan pekerja atau kontraktor. Kami juga mempunyai Tatakelakuan Rakan Kongsi Perniagaan, berdasarkan prinsip yang sama, yang merangkumi tanggungjawab rakan kongsi kita, termasuk pembekal, pengedar dan ejen.

Apakah yang diharapkan daripada kita?

Setiap seorang daripada kita perlu memahami Tatakelakuan ini, arahannya dan seterusnya cara kita perlu bertindak. Walaupun anda mungkin berasa lebih mudah untuk mengamalkan beberapa bahagian Tatakelakuan dalam peranan tertentu anda, anda perlu bertanya jika anda tidak pasti tentang mana-mana perkara. Jika anda tidak dapat mencari jawapan yang jelas kepada sesuatu isu, anda perlu menggunakan pertimbangan yang baik dan berbincang dengan pengurus anda jika perlu. Dan, jika anda seorang pengurus, anda perlu menjadi teladan bagi. Membantu pasukan anda memahami cara untuk mengamalkan prinsip kita dan membuat mereka bertanggungjawab ke atas tingkah laku mereka.

Bagaimana jika terdapat pelanggaran Tatakelakuan kita?

Kegagalan untuk mematuhi Tatakelakuan ini boleh membawa kepada tindakan disiplin, termasuk pemecatan. Jika anda melihat apa-apa pelanggaran, beritahu segera individu berkenaan, pengurus anda, atau SpeakUp! Anda boleh mendapatkan panduan lanjut pada akhir Tatakelakuan ini.

Semuanya **saling melengkapi**

Prinsip teras

Pendirian kita sebagai sebuah syarikat.

- Keselamatan
- Integriti
- Kemampunan

Nilai

Cara kita bertindak untuk mencapai matlamat kita.

- Fokus pelanggan
- Menyampaikan komitmen
- Semangat untuk mencapai kecemerlangan
- Bersama-sama mencapai kejayaan

Di mana saya boleh mendapatkan panduan yang selanjutnya?

Portal Arahan merupakan tempat intranet sehenti anda bagi Tatakelakuan serta semua Arahan, Peraturan, Manual, Garis Panduan dan Prosedur yang membentuk Rangka Kerja Arahan kita. Dokumen ini, yang sebahagian besarnya adalah mandatori, menggerakkan tadbir urus, konsistensi dan kecemerlangan fungsi di seluruh syarikat.

Tatakelakuan

Ini menetapkan standard yang kita semua pegang dan tanggungjawab untuk setiap pekerja dan rakan kongsi perniagaan patuhi.

Rangka Kerja Arahan

Menyediakan Arahan, Kaedah, Manual, Panduan dan Prosedur yang terperinci yang kita mesti ikuti semasa bekerja untuk AkzoNobel.

Keselamatan

Kita mengambil berat tentang keselamatan rakan sekerja kita dan semua pihak yang berurusan dengan kita dan menumpukan kepada keselamatan individu, produk dan proses.



- Kita mematuhi peraturan dan prosedur keselamatan
- Kita mematuhi Peraturan Menyelamatkan Nyawa (Life-Saving Rules)
- Kita menghentikan kerja jika terdapat tingkah laku atau keadaan yang tidak selamat
- Kita membuat dan mengedarkan produk dengan selamat
- Kita melaporkan kebimbangan keselamatan dengan serta-merta

Matlamat kita adalah untuk mencapai kecederaan dan insiden serius sifar. Kita melakukan ini dengan menggunakan standard yang konsisten dan terkemuka untuk pekerja, produk dan proses. Kita komited untuk mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan dan kita semua memainkan peranan dalam prestasi keselamatan syarikat tanpa mengira konteks.

Keselamatan pekerja

Kita semua bertanggungjawab untuk kesihatan dan keselamatan. Kita komited untuk menjalankan operasi dengan selamat, dengan menyediakan peralatan, prosedur dan latihan bagi mengelakkan kecederaan. Sama ada sewaktu berada di tempat kerja, melawat pelanggan atau dalam perjalanan, kita mengikut peraturan dan prosedur keselamatan pada setiap masa. Kita melaporkan kecederaan dan insiden keselamatan untuk terus meningkatkan prestasi keselamatan kita.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:
[Directives Portal](#)
Health, Safety & Environment

Keselamatan produk

Keselamatan produk meliputi pematuhan kawal selia, melindungi pekerja daripada terdedah kepada bahaya dan pengurusan bahan berbahaya. Kita menggunakan kepakaran kita untuk mengurus aspek kesihatan, keselamatan dan alam sekitar sesuatu produk sepanjang kitaran hayatnya dengan penuh tanggungjawab. Kita melabelkan produk dengan betul dan memberitahu dengan jelas cara mengendalikan produk serta sering melebihi seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:
[Directives Portal](#)
Health, Safety & Environment

Keselamatan proses

Pengurusan keselamatan proses adalah cara yang sistematik untuk menilai, mengurus dan menyatakan risiko pengendalian terhadap kecederaan, bahan buangan atau kemudaratian yang boleh terhasil kesan daripada kerja yang kita lakukan. Ini termasuk bahaya yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan, pembuatan dan pengangkutan kita. Kaedah kerja yang selamat adalah lesen untuk beroperasi. Kita mematuhi prosedur keselamatan proses tempatan dan kita mengenal pasti dan melaporkan sebarang risiko dengan segera, supaya kita boleh mengawal risiko dan terus meningkatkan prestasi keselamatan kita.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

Health, Safety & Environment

Peraturan Menyelamatkan Nyawa (Life-Saving Rules)

Kita telah menentukan lapan Peraturan Menyelamatkan Nyawa untuk melindungi kita semasa menjalankan pekerjaan yang mempunyai risiko keselamatan yang lebih tinggi.

- Melakukan pekerjaan dengan permit kerja yang sah apabila diperlukan
- Menggunakan alat perlindungan apabila bekerja di tempat tinggi
- Mendapatkan permit untuk masuk ke dalam ruang terkurung
- Memastikan jentera bergerak dikawal
- Memastikan peralatan diasingkan sebelum kerja bermula
- Dapatkan kebenaran sebelum melumpuhkan peralatan keselamatan
- Memakai tali pinggang keledar di dalam kendaraan bermotor apabila disediakan
- Tidak mengambil alkohol atau dadah di tempat kerja

Kita perkukuhkan Peraturan Menyelamatkan Nyawa ini dengan Prinsip Penting kita (Golden Principle): Kita mesti sentiasa berhenti kerja jika keadaan atau kelakuan didapati tidak selamat.

Peraturan Menyelamatkan Nyawa ini terpakai kepada semua. Kita mengamalkan toleransi sifar terhadap pelanggaran Peraturan Menyelamatkan Nyawa ini.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

Life-Saving Rules

“Saya tahu apa pendirian kita”

Gazi, Research and Development





Q

Anda akan mengendalikan jentera baharu tanpa menerima apa-apa arahan keselamatan. Penyelia anda memberitahu anda prosedur operasi belum lagi ditulis, tetapi anda perlu terus mengendalikannya. Perlukah anda terus mengendalikan jentera itu?

A

Tidak. Anda perlu menerima latihan prosedur terlebih dahulu.

Q

Seorang rakan sekerta menanggalkan adang keselamatan semasa mesin sedang beroperasi. Katanya ini adalah perlu untuk melepaskan sabuk. Adakah ini betul?

A

Tidak. Adang keselamatan tidak boleh ditanggalkan apabila mesin sedang beroperasi. Anda perlu menggunakan Prinsip Emas dan menghentikan mesin serta-merta.

Q

Anda seorang pekerja pejabat yang melawat kilang dan melihat kontraktor bekerja tanpa abah-abah keselamatan di tempat pada ketinggian yang memerlukannya. Apa yang harus anda lakukan?

A

Beritahu penyelia tempatan jika ada. Jika tidak, minta kontraktor itu turun dengan selamat dan menerangkan kepadanya mengenai peraturan keselamatan kita dan keperluan untuk menggunakan alat perlindungan apabila bekerja di tempat tinggi. Laporkan pelanggaran peraturan itu kepada pihak pengurusan tempatan.

Integriti

Kita mengambil berat tentang menjalankan perniagaan dengan cara yang adil dan jujur.

- Kita bersaing dengan cara yang adil dan jujur
- Kita mematuhi sekatan perdagangan dengan teliti
- Kita melindungi maklumat sulit dan peribadi
- Kita mengasingkan kepentingan perniagaan dan peribadi
- Kita menjaga harta syarikat dan menggunakananya dengan betul
- Kita menyimpan rekod selaras dengan dasar syarikat
- Kita berwaspada terhadap penipuan dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan
- Kita berkomunikasi dengan cara yang profesional



Tingkah laku kita secara individu dan kolektif mempengaruhi anggapan setiap orang yang berurusan dengan kita. Oleh sebab itu, kita bertindak dengan cara yang adil dan jujur, mematuhi semua undang-undang dan peraturan di mana sahaja kita beroperasi. Kita semua mempunyai peranan untuk melindungi integriti dan reputasi syarikat.

Perlakuan perniagaan yang jujur

Kita komited untuk mengamalkan standard tertinggi etika dan undang-undang. Kita menjalankan perniagaan secara adil dan berintegriti. Kita tidak melakukan, menawarkan atau membenarkan rasuah atau menjalankan apa-apa bentuk amalan perniagaan yang tidak beretika. Kita tidak membuat bayaran pemudahan.

Kita percaya dengan persaingan berdasarkan merit produk kita. Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa urusan kita dengan rakan kongsi perniagaan kita adalah berdasarkan kepada keputusan yang objektif dan tidak dipengaruhi oleh hadiah atau hiburan. Semua hadiah dan hiburan yang diberikan atau diterima mestilah dengan nilai yang sederhana dan sesuai untuk hubungan perniagaan. Kita perlu mendapatkan kebenaran untuk tindakan kita.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

Anti-Bribery, Gifts & Entertainment

Persaingan yang adil

Kita menyokong persaingan bebas dan adil. Matlamat kita adalah untuk memenuhi keperluan pelanggan dengan lebih cepat, lebih baik dan lebih tersendiri daripada pesaing kita. Jadi, kita bersaing dengan bersungguh-sungguh, tetapi secara adil dan mengikut rangka kerja undang-undang persaingan.

Kita mengamalkan dasar pematuhan ketat terhadap undang-undang persaingan dan peraturan kita sendiri. Kita tidak membuat perjanjian dan amalan yang akan mempunyai kesan menjelaskan ke atas persaingan, seperti penetapan harga, peruntukan pasaran atau penyalahgunaan kedudukan dominan. Kita mempromosikan produk kita dengan cara yang adil dan seimbang, dengan maklumat yang telah diluluskan melalui prosedur kajian pemasaran dalaman kita.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk kepada:

[Directives Portal](#)

Competition Law Compliance

Kawalan perdagangan

Kita menjalankan perniagaan antarabangsa di dunia yang mempunyai sekatan perdagangan. Sesetengah negara mempunyai kawalan perdagangan yang menyekat perniagaan tertentu dan pergerakan barang merentasi sempadan. Kita mematuhi semua kawalan perdagangan yang terpakai bagi perniagaan kita dan menyediakan maklumat yang tepat dan benar mengenai perniagaan kita kepada pihak Kastam dan pihak berkuasa lain yang berkaitan.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

Export Control

Maklumat sulit

Harta intelek syarikat dan maklumat sulit adalah penting untuk kita lindungi. Ini termasuk strategi perniagaan, pengetahuan teknikal, maklumat kewangan, senarai pelanggan dan kata laluan. Kita melindungi maklumat sulit daripada pendedahan yang tidak dibenarkan untuk mengelakkan kemusnahan nilai aset dan kerosakan perniagaan dan reputasi kita.

Kita juga menghormati harta intelek orang lain. Kita melindungi maklumat sulit yang diberikan kepada kita dan hanya menggunakan jika kita telah mendapat kebenaran untuk berbuat demikian.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk kepada:

[Directives Portal](#)

Intellectual Property

Data peribadi

Kita komited untuk melindungi data peribadi pekerja, pelanggan dan rakan kongsi perniagaan. Kita mematuhi undang-undang dan peraturan privasi kita sendiri yang memastikan bahawa kita mengendalikan data peribadi dengan tahap penjagaan yang tinggi. Kita mematuhi peraturan ini untuk memastikan bahawa kita menyimpan data peribadi untuk tujuan perniagaan yang sah, dan kita mengetahui dengan jelas mengenai masa dan cara, menggunakan atau berkongsi data peribadi.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

Protection of Personal Data

Mengelakkan konflik kepentingan

Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk membuat keputusan demi kepentingan syarikat, dan kita faham bahawa keputusan kita di tempat kerja tidak boleh dipengaruhi oleh pertimbangan peribadi atau persendirian. Jika terdapat kemungkinan ada konflik atau seakan-akan ada konflik, kita berbincang dengan pengurus kita.

Kita boleh mengambil bahagian dalam proses politik dan demokrasi secara peribadi. Kita mengasingkan kepentingan profesional dan politik. Sebagai sebuah syarikat, kita tidak menyediakan bantuan kewangan atau lain-lain kepada parti politik atau kampen politik.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

[Avoiding Conflicts of Interest](#)

Dagangan saham

Jika kita mengetahui maklumat dalaman, kita tidak berurusan dengan saham atau sekuriti dalam syarikat itu, sama ada oleh diri kita sendiri atau melalui orang lain. Maklumat dalaman adalah maklumat yang boleh memberi kesan yang besar ke atas harga atau nilai saham atau sekuriti kita jika ia diketahui di luar daripada syarikat.

Kita juga tidak menggunakan maklumat tersebut untuk berdagang dalam saham atau sekuriti syarikat lain atau memberikan maklumat tersebut kepada orang lain melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang dan mengikut Tataurusan Saham kita. Walaupun kita tidak mempunyai maklumat dalaman, kita mungkin dihalang daripada berurusan dengan saham atau sekuriti syarikat itu oleh sebab kedudukan kita atau melalui hubungan kita dengan syarikat.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

[Insider Information](#)

Sumber Syarikat

Adalah penting untuk melindungi harta, sumber syarikat dan sistem maklumat dan memastikan bahawa kesemuanya adalah selamat pada setiap masa. Kita menggunakan aset ini dengan betul dan bertanggungjawab, dan melindunginya daripada kehilangan, kerosakan atau penyalahgunaan. Kita berhati-hati menggunakan aset dan sumber untuk tujuan perniagaan yang dimaksudkan.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

[Company Resources](#)

Penyimpanan rekod

Kita semua bertanggungjawab memastikan bahawa rekod yang kita simpan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti perniagaan kita adalah tepat, lengkap dan terkini. Pengurusan rekod yang cekap dan tepat adalah penting bagi melindungi kepentingan perniagaan syarikat. Kita mengikuti peraturan dalaman dan garis panduan semasa membuat dokumen dan memastikan bahawa kita menyimpan rekod dengan selamat atau memusnahkannya menurut dasar pengekalan dokumen yang berkaitan.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

[Record Keeping](#)

Mencegah penipuan

Kita mempunyai kawalan perniagaan yang menyeluruh untuk mengelakkan penipuan. Kita mematuhi semua proses kelulusan dalaman dan prinsip perakaunan dan laporan kewangan untuk memastikan bahawa kita merekodkan semua transaksi dan memastikan bahawa transaksi tersebut tertakluk kepada semakan sekiranya perlu.

Kita mematuhi undang-undang pencegahan penggubahan wang haram bagi mengelakkan sebarang penggunaan sumber syarikat untuk menyembunyikan jenayah. Kita berwaspada terhadap ancaman penipuan, dan kita melaporkan sebarang transaksi atau aktiviti yang mencurigakan dengan serta-merta.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

[Fraud](#)

Komunikasi yang betul

Kita komited untuk berkomunikasi secara terbuka, berdasarkan fakta dan tepat pada masanya, dalam mematuhi semua obligasi undang-undang dan perniagaan. Untuk memastikan bahawa kita mematuhi undang-undang dan melindungi kepentingan syarikat, kita merujuk pertanyaan media kepada orang yang diberi kuasa untuk bercakap bagi pihak syarikat.

Kita semua berhati-hati dalam komunikasi perniagaan kita, biar apa pun kaedah yang kita gunakan untuk berkomunikasi, dan memastikan ia memenuhi standard yang tinggi. Kita semua menggunakan budi bicara dan akal apabila kita menggunakan media sosial dan mematuhi garis panduan syarikat pada setiap masa.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:

[Directives Portal](#)

[Global Communications](#)

“Saya bertanggungjawab”

Ashley, Customer Marketing





Seorang perunding yang kerap bekerja dengan saya mempunyai tiket untuk suatu acara sukan dan menjemput saya untuk pergi bersamanya. Bolehkah saya terima?



Hanya jika urusan tersebut bernilai yang sederhana, tidak bertujuan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan dan diluluskan oleh pengurus anda.



Seorang kawan rapat telah menawarkan perkhidmatan syarikatnya. Bolehkah saya mendapatkan perkhidmatan itu?



Hanya jika terdapat proses perolehan yang adil dan telus dan keputusan itu diluluskan oleh pihak pengurusan dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan peribadi.



Saya berada di sempadan. Seorang pegawai kastam menawarkan saya kemasukan segera dengan balasan wang tunai. Adakah ini dibenarkan?



Tidak. Ini seperti bayaran pemudahan, kecuali jika ia merupakan perkhidmatan segera rasmi yang mana anda menerima resit rasmi.

Kemampunan

Kita mengambil berat tentang alam sekitar kita, rakan sekerja, rakan kongsi perniagaan kita dan masyarakat di tempat kita beroperasi.

- Kita mengiktiraf hak asasi manusia dan melayan orang lain dengan bermaruah dan rasa hormat
- Kita mengambil dan mengurus pekerja dengan adil
- Kita mengurangkan kesan alam sekitar daripada pekerjaan yang kita lakukan
- Kita menangani kebimbangan mereka yang terjejas disebabkan oleh operasi kita
- Kita memberikan semula kepada masyarakat di tempat kita beroperasi
- Kita bekerja dengan rakan niaga yang berkongsi prinsip kita

Jika kita ingin meninggalkan planet yang sihat untuk generasi akan datang, kita mesti menjadi lebih mampan dalam segala yang kita lakukan. Ini bermakna bekerjasama dengan pelanggan dan pembekal untuk membangunkan penyelesaian terulung yang dapat melakukan lebih dengan sumber yang sedikit. Ini juga bermakna kita perlu terus membangunkan diri dan rakan sekerja kita. Kita perlu memainkan peranan masing-masing bagi mewujudkan tempat yang menarik untuk bekerja dan menyumbang kepada kejayaan kemampanan syarikat.

Hak asasi manusia

Kita mengiktiraf hak asasi semua orang seperti yang digariskan dalam Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia dan Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Kita bertanggungjawab untuk mengelakkan pelanggaran hak asasi manusia dan untuk memulihkan kesan ke atas hak asasi manusia yang terhasil daripada aktiviti kita dan produk kita dan aktiviti yang rakan perniagaan jalankan untuk kita. Kita berharap agar rakan kongsi perniagaan kita mengamalkan prinsip yang setara dan secara aktif menyokong mereka dalam pelaksanaannya jika diperlukan.

Kita menggalakkan rakan sekerja, rakan kongsi perniagaan dan orang yang terlibat dengan aktiviti atau produk kita untuk mengemukakan aduan dan rungutan mengenai kemungkinan kesan kepada hak asasi manusia atau pelanggaran Tatakelakuan. Kita menangani aduan dan rasa tidak puas hati dengan adil, secara rahsia dan mengikut undang-undang.

Kita komited kepada penambahbaikan yang berterusan untuk kekal menjadi majikan, rakan kongsi perniagaan dan anggota masyarakat yang baik di tempat kita beroperasi.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:
Sustainability Portal

Hubungan pekerjaan

Kita mengupah pekerja yang terbaik berdasarkan kesamaan peluang dan menggalakkan mereka untuk berkembang secara peribadi dan profesional. Kita menyediakan keadaan yang sesuai untuk rakan sekerja kita berkembang maju dan membangun, dan setiap daripada kita komited terhadap pembangunan diri secara berterusan.

Kita mengamalkan prinsip Deklarasi Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja. Kita tidak memaksa orang bekerja atau menghalang hak-hak mereka. Kita mematuhi keperluan umur minimum undang-undang seperti yang digariskan dalam konvensyen ILO berkaitan dan undang-undang negara di tempat kita beroperasi, dan kita tidak mengambil kanak-kanak di bawah umur 16 tahun untuk bekerja.

Kita melayan orang dengan bermaruah dan rasa hormat, dan kita menyokong kepelbagaiannya. Kita tidak mengganggu atau mendiskriminasi, sama ada melalui budaya, kewarganegaraan, bangsa, agama, jantina, kecacatan, persatuan, orientasi seksual atau umur.

Kita memastikan bahawa waktu kerja dan gaji adalah mematuhi undang-undang dan adil serta saksama. Kita menghormati hak individu terhadap kebebasan pendapat dan berpersatuan, dan kita menghormati hak untuk tawar-menawar secara kolektif dan penentuan bersama.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:
Sustainability Portal

Alam sekitar dan masyarakat

Kita komited untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar di setiap negara tempat kita beroperasi. Kita memberikan tumpuan kepada usaha mengurangkan kesan alam sekitar dengan mengurangkan pengeluaran karbon, dengan menggunakan tenaga yang kurang dan menghasilkan sisa yang sedikit dalam aktiviti kita. Kita membangunkan teknologi mesra alam sekitar dan bekerjasama dengan rakan kongsi perniagaan kita untuk melakukan lebih dengan sumber yang sedikit agar menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar.

Kita memahami sepenuhnya peranan dan tanggungjawab kita terhadap masyarakat dan menyumbang kepada masyarakat di tempat kita beroperasi. Jika berpeluang, kita membuat perubahan yang positif kepada dunia di sekeliling kita, melibatkan diri dengan orang dan organisasi untuk membantu usaha meningkatkan jenama AkzoNobel di samping menyokong projek dan tindakan yang layak dan mampan, dengan menggunakan produk kita sekiranya sesuai. Kita masing-masing digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, selagi ia tidak membawa kepada konflik kepentingan.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:
[Sustainability Portal](#)

Hubungan pihak berkepentingan

Kita berhubung dengan pelanggan kita untuk memahami pasaran dan keperluan mereka. Kita mempunyai dialog yang telus dan tidak berat sebelah dengan pihak berkepentingan utama kita dalam bidang kewangan, sosial dan alam sekitar dan menggunakan pengetahuan daripada dialog ini untuk membangunkan penyelesaian kemampunan yang utama.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:
[Sustainability Portal](#)

Hubungan perniagaan


Kita ingin melakukan perniagaan dengan rakan kongsi yang mempunyai standard etika, sosial dan alam sekitar yang seiring dengan kita. Kita menggunakan standard ini untuk membuat keputusan sama ada untuk mewujudkan atau mengekalkan hubungan dengan rakan kongsi perniagaan. Kita mengharapkan agar rakan kongsi perniagaan kita mengesahkan bahawa mereka akan menjalankan perniagaan mereka selaras dengan Tatakelakuan Rakan Kongsi Perniagaan kita.

Untuk panduan lebih lanjut, sila rujuk:
[Business Partner Code of Conduct Portal](#)

“Kita semua
mempunyai peranan
untuk dimainkan”

Marieke, Global Aesthetic Center





Salah seorang ahli pasukan saya meminta tambahan masa bekerja untuk mendapatkan wang tambahan. Dia telah banyak membuat kerja lebih masa pada minggu ini. Bolehkah saya meluluskan permintaan itu?



A Kerja lebih masa dibenarkan selagi tidak melampaui keperluan undang-undang tempatan dan arahan pengurusan dan jika ia adalah selamat.



Saya sedang mengambil pekerja untuk satu jawatan dalam pasukan saya. Salah seorang calon tersebut adalah seorang kawan rapat. Apakah yang perlu saya lakukan?



A Teruskan jika terdapat proses pengambilan dan keputusan yang adil dan telus, yang diluluskan oleh pihak pengurusan dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan peribadi.



Saya hendak melantik seorang pengedar, mereka tidak mahu mengesahkan akan mematuhi Tatakelakuan kita. Apa yang perlu saya lakukan?



A Pengedar tidak perlu menandatangani Tatakelakuan kita, tetapi perlu mengesahkan secara bertulis untuk mematuhi prinsip yang sama dengan prinsip kita. Jika prinsip mereka banyak berbeza, anda harus merujuk Jabatan Undang-undang.

Ini mengenai melakukan perkara yang betul

Tatakelakuan menetapkan standard tingkah laku yang tinggi yang diharapkan daripada kita pada setiap masa. Setiap orang yang bekerja untuk AkzoNobel mesti mematuhi Tatakelakuan dan arahan asas. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian prestasi tahunan, kita diharapkan untuk mengesahkan bahawa kita memahami dan mematuhi Tatakelakuan. Jika mana-mana peruntukan Tatakelakuan didapati bercanggah dengan undang-undang, maka undang-undang perlu diutamakan. Apabila ragu-ragu, kita harus menghubungi pengurus kita atau jabatan Undang-undang.

Mengambil masa untuk berfikir

Kadang-kadang kita berhadapan dengan satu keadaan yang mana tidak ada jawapan yang jelas. Jika kita tidak pasti apa yang perlu dilakukan, kita harus berhenti dan bertanya kepada diri sendiri:

- ✓ Adakah saya memahami risiko dan implikasinya?
- ✓ Adakah ini sah?
- ✓ Adakah ini mengikut Tatakelakuan kita?
- ✓ Adakah ini adil dan jujur?
- ✓ Adakah ini akan memberi gambaran yang baik terhadap diri saya dan syarikat?
- ✓ Adakah saya berasa senang jika perkara ini disiarkan dalam media?

Jika jawapan kepada mana-mana soalan ini adalah "tidak", maka jangan melakukannya. Jika tidak pasti, dapatkan panduan daripada pengurus anda, Jabatan Undang-undang, HR atau Pegawai Pematuhan anda.

Melaporkan kebimbangan

Jika kita percaya bahawa Tatakelakuan telah dilanggar atau akan dilanggar, kita harus mengambil tindakan. Kita boleh:

- ✓ Berbincang dengan individu yang terlibat
- ✓ Berbincang dengan pengurus kita, rakan kongsi perniagaan HR atau Pegawai Pematuhan
- ✓ SpeakUp!

Jika pelanggaran boleh membawa kepada akibat yang besar terhadap syarikat atau individu, ia perlu dilaporkan kepada pihak pengurusan atau jabatan Undang-undang dengan serta-merta.

SpeakUp!

Pelanggaran atau kebimbangan boleh dilaporkan melalui SpeakUp! dalam tiga cara:

Panggil talian bantuan

Telefonis akan mendengar kebimbangan anda dan bertanyakan soalan. Talian bantuan itu menjawab dalam bahasa Inggeris, tetapi jurubahasa boleh juga menyertai panggilan. Gambaran keseluruhan nombor talian bantuan khusus negara boleh didapati di halaman portal SpeakUp!. Talian adalah bebas tol dan tersedia 24/7

Gunakan tapak web

Anda boleh membuat laporan melalui portal SpeakUp! di OneWeb

E-mel

Laporan boleh dihantar ke speakup@akzonobel.com atau AkzoNobel Director Compliance, PO Box 75730, 1070 AS Amsterdam, The Netherlands

Manual SpeakUp! menjelaskan perkara yang berlaku selepas laporan diterima. Laporan akan dirahsiakan. Laporan boleh dibuat tanpa nama, walaupun pendedahan identiti digalakkan untuk memudahkan siasatan. Untuk panduan lebih lanjut tentang SpeakUp!, lawati portal SpeakUp!.

AkzoNobel menggalakkan dialog secara terbuka dan mengambil berat terhadap setiap laporan. Tiada sebarang akibat ekoran daripada melaporkan pelanggaran Tatakelakuan secara jujur, walaupun laporan itu didapati tidak berasas. Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk melakukan perkara yang betul.

Perkara **yang diharapkan daripada kita**

Patuhi undang-undang dan Tatakelakuan

Tegakkan prinsip kita dan bimbing orang lain

Laporkan sebarang pelanggaran

Ini adalah
Tatakelakuan kita

Keselamatan Integriti



Kita mengambil berat tentang keselamatan rakan sekerja kita dan semua pihak yang berurusan dengan kita, dan menumpukan kepada keselamatan individu, proses dan produk.

- Kita mengikut peraturan dan prosedur keselamatan
- Kita mengikuti Peraturan Menyelamatkan Nyawa (Life-Saving Rules)
- Kita menghentikan kerja jika tingkah laku atau keadaan tidak selamat
- Kita membuat dan mengedarkan produk dengan selamat
- Kita melaporkan kebimbangan keselamatan serta-merta



Kita mengambil berat tentang menjalankan perniagaan dengan cara yang adil dan jujur.

- Kita bersaing dengan cara yang adil dan jujur
- Kita mengikuti sekatan perdagangan dengan berhati-hati
- Kita melindungi maklumat peribadi dan sulit
- Kita mengasingkan kepentingan perniagaan dan peribadi
- Kita menjaga harta syarikat dan menggunakananya dengan betul
- Kita menyimpan rekod selaras dengan dasar syarikat
- Kita berwaspada terhadap penipuan dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan
- Kita berkomunikasi dengan cara yang profesional

Kemampanan



Kita mengambil berat tentang alam sekitar, rakan sekerja, rakan kongsi perniagaan dan masyarakat di tempat kita beroperasi.

- Kita mengiktiraf hak asasi manusia dan melayan orang dengan bermaruah dan rasa hormat
- Kita mengambil dan mengurus pekerja dengan adil
- Kita mengurangkan kesan alam sekitar daripada pekerjaan yang kita lakukan
- Kita menangani kebimbangan mereka yang terjejas disebabkan oleh operasi kita
- Kita memberikan semula kepada masyarakat di tempat kita beroperasi
- Kita bekerja dengan rakan kongsi perniagaan yang berkongsi prinsip kita



www.akzonobel.com

AkzoNobel adalah syarikat cat dan salutan global terkemuka dan pengeluar utama bahan kimia khusus. Berbantukan kepakaran selama berabad-abad, kami membekalkan kepada industri dan pengguna di seluruh dunia dengan produk inovatif dan teknologi lestari yang direka bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat di dunia yang serba pantas pada hari ini. Kami beribu pejabat di Amsterdam, Belanda, dan mempunyai kira-kira 46,000 orang pekerja di kira-kira 80 buah negara. Portfolio kami adalah termasuk jenama terkenal seperti Dulux, Sikkens, International, Interpon dan Eka. Sambil terus-menerus disenaraikan sebagai salah satu peneraju dalam bidang kemampanan, kami sentiasa komited untuk mewujudkan kehidupan yang lebih selesa dan bandar raya yang lebih baik untuk manusia.

© 2015 Akzo Nobel N.V. Hak cipta terpelihara.